

21 APR 1998

Kutub-terjun

MALAYSIA CIPTA SEJARAH JEJAK KUTUB UTARA

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Malaysia mencatatkan sejarah apabila 16 penerjun negara berjaya menjejakkan kaki awal pagi ini di Kutub Utara, kawasan paling sejuk di dunia.

Selain memacakkan "Jalur Gemilang", para peserta Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara itu, yang terjun dari ketinggian hampir 3,000 meter, juga berjaya menurunkan kereta nasional Proton Wira 1.5.

Menurut Sekretariat ekspedisi itu, kumpulan penerjun itu diketuai Abdul Rahim Dahalan menjejakkan kaki di Kutub Utara pada kira-kira pukul 1.50 pagi ini.

Malaysia merupakan negara Asia pertama yang berjaya menawan Kutub Utara, yang sebelum ini dilakukan oleh warga Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Rusia, Itali dan United Kingdom.

Ketika diberitahu petang ini mengenai kejayaan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada kumpulan penerjun negara itu yang turut disertai seorang ibu kepada lima orang anak.

Dr Mahathir berkata banyak orang mengkritik ekspedisi itu kerana berpendapat ia kurang sesuai diadakan sekarang.

"Tetapi saya berpendapat walaupun 'adventure' ini bahaya dan nampak seolah-olah kita meringan-ringankan masalah ekonomi kita tetapi ia menaikkan semangat kita dan ini perlu kita adakan walau apapun keadaan dalam negara," katanya pada persidangan media selepas melancarkan Majlis PERNIAGAAN Malaysia-Britain di sini.

Perdana Menteri telah melancarkan ekspedisi terjun Kutub Utara itu pada 29 Mac lepas serta menyaksikan latihan 16 peserta berkenaan. Beliau juga telah menyerahkan bendera negara (Jalur Gemilang) kepada Abdul Rahim.

Menurut sekretariat ekspedisi itu lagi, penerjunan oleh 16 peserta itu mengambil masa hampir setengah jam dan mereka berada selama dua jam di Kutub Utara.

Selain Abdul Rahim, ekspedisi itu dianggotai Kapten (B) Abdul Rahmat Omar, Leftenan Ahmad Ramli Kardi, Mejar Kamaruddin Abdullah, Puan Nordziah Mohamed Noor dan peserta termuda Mohamed Shamsul Mohamed Amin, 21.

Para peserta lain ialah Leftenan (B) Aziz Ahmad selaku ketua penerjun, Mejar Amran Abdul Rashid, Sulaiman Alwee, Ahmed Abdul Rahman, Maznan Mat Isa, Mohamed Idros Yusop, Mohd Hazamuzakar Mohd Hatim, Ramlee Alias, Ramli Mat Idin dan Mohd Noorizan Yunus.

Krew TV3 turut berada di Kutub Utara untuk merakamkan detik bersejarah itu.

Menurut sekretariat itu, semasa penerjunan dibuat, suhunya ialah 41 darjah Celsius di bawah paras beku ketika di udara dan 25 darjah Celsius di bawah paras beku di Kutub Utara.

"Sebagai rakyat Malaysia kami merasa bangga kerana akhirnya dapat menjejakkan kaki di Kutub Utara. Perasaan kami antara cemas dan takut ketika menjejakkan kaki di kawasan yang diliputi salji tebal itu," Abdul Rahmat dipetik sebagai berkata.

Sambil memanjatkan kesyukuran kepada Allah, Rahmat berkata para peserta ekspedisi berjaya mencipta "rekod baru" untuk terjunan formasi dengan menggunakan lima payung.

Mengenai kereta Proton Wira berkenaan, kenyataan itu memetik Rahmat sebagai berkata bahawa enjin kereta itu dapat dihidupkan walaupun dalam keadaan yang sejuk.

Bagaimanapun ia tidak dapat dipandu kerana salji yang terlalu tebal

manakala ribut salji melanda sebaik sahaja para peserta ekspedisi sampai di kawasan itu.

"Bagaimanapun kereta itu berjaya dipandu di sekitar kawasan Lapangan Terbang Ais berdekatan dengan Kutub Utara oleh Abdul Rahim," kata Rahmat.

Menurut kenyataan itu, kumpulan yang dianggotai bekas dan anggota tentera, ahli perniagaan dan individu itu kemudiannya bertolak ke Khantanga di Siberia pada pukul 4 petang waktu tempatan selepas melakukan sembahyang sujud Syukur.

Seorang pegawai di sekretariat itu, Mejar (B) Abdul Shukor Nasiruddin, yang dihubungi malam ini, berkata kumpulan ekspedisi itu dijangka pulang ke tanahair Ahad ini.

-- BERNAMA

AZZ OBA